

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1994/95

Oktober/November 1994

HIS 301 Sumber dan Prinsip Perundangan Islam

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI EMPAT [4] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab TIGA [3] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. [a] Jelaskan kedudukan hukum wad'ei dalam syari'at Islam, serta kuatkan hujah-hujah anda dengan ayat-ayat al-Qur'an dan Sunnah Nabi Muhammad s.a.w.
 - [b] Terangkan kehujahan al-Ijma' sebagai salah satu hukum syari'at Islam.
 - [c] Huraikan pembahagian al-Istishab dan terangkan kehujahan al-Istishab hal al-Ijma' sebagai sumber hukum syari'at Islam.
 - [d] Jelaskan perbezaan di antara beberapa istilah berikut dalam bidang ilmu usul al-fiqh:
 - i. الإباحة العقلية - البراءة الأصلية
 - ii. قياس جلي - قياس مع الفارق
 - iii. سبب العلة - العلة
-
2. [a] Kesempitan hidup pelarian di sempadan Rwanda dan Zaire memaksa sesetengahnya minum air kencing sendiri, kerana semata-mata ingin menyelamatkan nyawa untuk terus hidup.

Berdasarkan kenyataan di atas:

- i. Nyatakan hukum syari'at tentang masalah yang berkenaan.

- ii. Jelaskan suatu kaedah yang menjadi prinsip hukum berkaitan dengan kes yang berkenaan.
- [b] Ajaran sesat yang muncul dari semasa kesemasa mungkin boleh menggugat kesetabilan 'aqidah ummah.
- i. Nyatakan hukum syari'at tentang masalah yang berkenaan.
 - ii. Jelaskan kehujahan sumber hukum yang berkenaan.
3. Bincangkan kedudukan pendalilan-pendalilan berikut:
- [a] Hadith ahad sebagai sumber hukum syari'at.
 - [b] Al-'Urf sebagai sumber hukum syari'at.
 - [c] Qiyas syabah sebagai sumber hukum syari'at.
 - [d] Berdasarkan 'illah yang ditolak oleh syara'.
4. [a] Bincangkan kebaikan atau keburukan daripada 'amalan bertaqlid atau berijtihad.
- [b] Jelaskan konsep al-Ittiba'.
 - [c] Jelaskan bagaimana boleh dikatakan bahawa hukum mubah itu sebagai hukum taklifi.
 - [d] Jelaskan bagaimana pemansuhan hukum yang telah thabit melalui al-Qur'an dengan hukum baru yang thabit melalui hadith ahad.

-ooo000ooo-